

18/05/1999

Faktor asas negara mampu beri kejutan: HSBC

HSBC berpendapat faktor asas negara bagi Malaysia masih boleh memberi kejutan, iaitu kejutan yang menggembirakan.

Unit penyelidikan HSBC, HSBC Market dalam laporannya menyebut pendapat berkenaan adalah berasaskan faktor asas di negara ini terus disalah tafsir dan diberi salah penarafan.

"Pada pendapat kami, salah tafsiran yang muncul berikutan pelaksanaan kawalan modal oleh Malaysia pada September 1998, masih berlarutan. Keadaan ini menyebabkan ketidaksesuaian penarafan risiko kredit yang diberi oleh pasaran serta penilaian mereka terhadap faktor asas Malaysia," menurut laporan itu yang dikeluarkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Kuala Lumpur, semalam.

Laporan itu menyebut, kunci kepada salah tafsiran itu disebabkan risiko politik Malaysia.

"Meskipun risiko politik tetap ada, pada pandangan kami ia diperbesar-besarkan dan disalahertikan.

"Tumpuan isu itu adalah kepada Perdana Menteri Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang nasionalis yang pandangannya sering kelihatan canggung kepada norma Barat. Dalam banyak keadaan, orang asing sering memahaminya dalam konteks yang songsang," kata HSBC.

Risiko politik ini akan diselesaikan selepas pilihan raya umum diadakan, dan pada pandangan HSBC Market akan diadakan pada Ogos/September ini dengan Barisan Nasional dijangka mengekalkan mandat positif daripada pengundi.

"Jelasnya, kitaran ekonomi Malaysia kini dalam arah aliran meningkat. Jadi, persoalan sekarang adalah berapa besarnya, bukannya hala tuju. Sebenarnya, kitaran itu adalah dalam arah aliran pemulihan sejak suku ketiga 1998 apabila KDNK benar menguncup sebanyak sembilan peratus, suku terburuk 1998.

"Sehubungan itu, kami menjangka KDNK benar akan tumbuh sekurang-kurangnya sebanyak 1.5 peratus pada 1999, satu perubahan yang jelas daripada penguncupan 6.7 peratus pada 1998," kata HSBC Market.

HSBC Market juga mengekalkan pandangannya bahawa Malaysia akan mengekalkan kadar tukaran ringgit pada 3.80 bagi satu dolar AS sekurang-kurangnya untuk tempoh 12 bulan akan datang.

"Pada perkiraan kami, ringgit Malaysia kini kira-kira 30 peratus di bawah nilai. Ia alat yang berkuasa untuk digunakan ketika permintaan domestik berusaha mengukuhkan kedudukannya pada suku akan datang," kata agensi itu.

(END)